

05 MAR 2001

Mahathir-Bandar

PEMBANGUNAN BANDAR CAPAI KEJAYAAN, KATA DR MAHATHIR

BUKIT KAYU HITAM, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek pembangunan bandar secara besar-besaran sama ada oleh kerajaan atau swasta di negara ini telah mencapai kejayaan dan bukannya membazir seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Perdana Menteri berkata kejayaan itu dicapai kerana pembangunan berkenaan dilaksanakan hasil perancangan yang teliti dan tertib.

"Kita bukan gemar dengan projek mega untuk dabik dada dan menunjuk-nunjuk tetapi ia penting untuk pembangunan negara," katanya semasa melancarkan Kota Perdana-Asean Industrial Metropolis 2010 di sini.

Dr Mahathir berkata pembangunan bandar baru secara besar-besaran memberi keuntungan kepada kontraktor, pembekal bahan dan peralatan binaan serta pekerja manakala penduduk dapat menikmati kemudahan yang lengkap.

Beliau berkata antara projek pembangunan bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan yang terbaru ialah Putrajaya serta Cyberjaya manakala yang dilaksanakan oleh swasta termasuk bandar Sunway, Puchong dan Serdang.

Perdana Menteri berkata jurutera tempatan bukan sahaja dapat bekerja tetapi dapat belajar industri itu (pembangunan bandar secara besar-besaran) dan akhirnya boleh menguasai industri berkenaan.

"Di Malaysia, (projek) bangun bandar besar bukan perkara luar biasa. Kita tidak rancang bina sebuah rumah atau sederet kedai sahaja," katanya.

Begitu juga dengan pembangunan Lebuh raya Utara Selatan yang membawa kepada pembangunan lain di kawasan berhampiran lebuh raya itu, kata Perdana Menteri.

"Apabila kita bangun satu infrastruktur, pembangunan lain seperti air, elektrik, telefon, sekolah dan hospital akan menyusul," katanya.

Beliau berkata bahawa dahulu Malaysia sering ditegur kerana melaksanakan projek-projek mega kononnya untuk menunjukkan kebolehan Malaysia pada dunia tetapi sebenarnya projek itu mencapai kejayaan.

Sambil menyebut projek kereta nasional yang dilancarkan dahulu sebagai contoh, Dr Mahathir berkata Malaysia kini hampir mampu menguasai 100 peratus keperluan untuk mengeluarkan kereta daripada reka bentuk hinggalah pembuatan komponennya.

Malaysia mampu beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi pembuatan. Ia kini menguasai sektor pembuatan sehingga menjadi pengeluar mikrocip yang ketiga terbesar di dunia.

"Malangnya, ada segelintir rakyat yang tidak faham dan anggap projek besar-besaran membazir," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan menggunakan duit negara dengan cermat dan sebab itulah Malaysia tidak perlu berhutang dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk pulihkan ekonomi negara.

"Kalau negara tidak mempunyai wang, tentu kita tidak boleh pulihkan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata ekonomi Malaysia boleh tumbuh dengan pesat lagi jika rakyat menyokong kerajaan membangunkan negara demi kesejahteraan mereka.

Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya tidak iri hati terhadap usahawan yang berjaya dan yang mempunyai banyak wang.

Ini kerana golongan itu boleh membantu mereka yang susah dan negara mendapat hasil cukai daripada mereka, katanya.

"Mereka ini ibarat angsa bertelur emas. Kita bagi makan cukup-cukup agar hari-hari ia boleh keluarkan telur emas. Tapi kalau kita sembelih

untuk makan dagingnya, maka kita tidak akan dapat telur emas itu lagi,"
katanya.

-- BERNAMA

JM MAN MAI